

Penghuni Kolej Tun Mustapha sertai Kempen Sayangi Kolejku

UB 9/11/2015

KOTA KINABALU:

Penghuni Kolej Kediaman Tun Mustapha menyertai Kempen Sayangi Kolejku yang diadakan pada 17 November 2019 di Dewan Serbaguna Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Antara Ahli Jawatankuasa yang bertugas terdiri daripada Sekretariat Exco Kerohanian, Exco Kebajikan, Exco Kemasyarakatan dan Exco Helwi juga turut bekerjasama bagi menjayakan kempen ini.


Tetamu jemputan yang hadir ialah Kol. Bersekutu (Pa) Dr. Mohamad Nizam Bin Nazarudin, Pengetua

Kolej Kediaman Tun Mustapha, Dr. Abdul Khair Bin Beddu Asis, Timbalan Pengetua Kolej Kediaman Tun Mustapha, Felo Nik Mohamad Rukmal Hakim Bin Rokma serta barisan Felo Kolej Kediaman Tun Mustapha.

Pengarah program, Shareen Anak Martin berakata, tujuan Kempen Sayangi Kolejku diadakan untuk merapatkan silaturahim antara penghuni Kolej Kediaman Tun Mustapha dan memupuk sifat menyayangi alam sekitar serta menjaga keceriaan dan kebersihan kolej kediaman.

Antara aktiviti-aktiviti yang telah diadakan sepanjang kempen ini berlangsung adalah menanam pokok bunga di sekitar kawasan kolej kediaman, mengutip sampah dan membersihkan kawasan sekitar kolej kediaman.

Harapan daripada pihak pengajuur semoga pengajuan program ini pada masa akan datang boleh menarik ramai lagi penyertaan dari mahasiswa mahasiswi UMS untuk memastikan kebersihan, keceriaan serta kelestarian kawasan di sekitar Kolej Kediaman Tun Mustapha sentiasa terjaga.



SAYANGI KOLEJ: Peserta kempen Sayangi Kolejku sempat merakamkan gambar kenangan sempena program itu.